

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 31 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1311-L16633
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
 - (a) apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk melupuskan syarikat-syarikat milik Khazanah Nasional Berhad; dan
 - (b) nama-nama syarikat milik Khazanah yang telah dilupuskan dan siapakah pembelinya.
2. PN-1311-L16448
Datuk Pau Chiong Ung minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
 - (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk meluaskan skop Pendaftaran e-kasih bagi kakitangan sektor Kerajaan kontrak yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM 1000 sebulan; dan
 - (b) berapakah jumlah kewangan yang telah dibelanjakan dalam Program bantuan Rumah iaitu bina baru dan baik pulih di seluruh negara semenjak pelancarannya.
3. PN-1311-L16324
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan kadar kitar semula Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daripada 5% kepada 22% menjelang tahun 2020.
4. PN-1311-L16541
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian apabila krisis moral seperti pembuangan bayi, penderaan, membunuh ibu bapa sendiri yang menunjukkan keruntuhan keluarga rakyat Malaysia yang semakin meningkat.

5. PN-1311-L16419
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-
 - (a) jenama francais asing yang berdaftar dan menjalankan perniagaan mereka di negara ini; dan
 - (b) jenama francais tempatan yang berjaya mengembangkan jenama tempatan ke luar negara.
6. PN-1311-L16431
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan strategi untuk warga emas dan pelan tindakan Kementerian untuk mengenang jasa warga emas, termasuk penyediaan keperluan asas seperti tempat tinggal, "healthcare", skim insurans dan sebagainya.
7. PN-1311-L16721
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Lesen Kedai Cukai Bebas (KBC) dan Lesen Pengurup Wang. Apakah statistik KBC yang ditempatkan di bandar raya, lapangan terbang, sempadan, dalam negeri dan pelabuhan.
8. PN-1311-L16220
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha-usaha dan perancangan Kementerian untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia di negeri Sabah.
9. PN-1311-L16850
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini Tabung Usahawan Siswazah (TUS) dan apakah tindakan Kementerian bagi membantu bakal usahawan-usahawan muda ini mendapat bantuan pinjaman.
10. PN-1311-L16904
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tentang perkembangan cadangan mewujudkan Akta Gangguan Seksual bagi melindungi mangsa-mangsa gangguan seksual terutamanya di tempat kerja yang laporan terhadapnya semakin meningkat dari hari ke hari serta adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan rumah perlindungan sementara bagi melindungi dan memberikan tempat tinggal sementara kepada mangsa-mangsa penderaan rumah tangga dan seksual di setiap negeri di negara ini.
11. PN-1311-L16465
Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan laporan terperinci berkaitan perkembangan prestasi kewujudan 5 buah Sekolah Wawasan di beberapa negeri sejak mula beroperasi sehingga kini dalam mengujudkan integrasi nasional antara kaum di kalangan pelajar sekolah rendah.

12. PN-1311-L16789
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa Kementerian mengamalkan penyumberan luar bagi kerja-kerja penyelenggaraan, nyatakan penjimatan kos yang diperoleh daripada amalan tersebut.
13. PN-1311-L16675
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan masalah kepimpinan dalam persatuan-persatuan sukan di negara ini semakin menjadi-jadi dan ini membantutkan perancangan yang dilakukan untuk pembangunan atlet dan sukan negara. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini dan adakah tindakan yang diambil memberikan kesan yang positif terhadap pembangunan sukan di Malaysia.
14. PN-1311-L16594
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah mekanisme di guna-pakai agar usaha pengurangan harga kenderaan tidak memberi kesan negatif kepada pendapatan negara melalui pemotongan eksais duti, tidak menjelaskan pertumbuhan industri serta kebajikan jaringan vendor dan peluang pekerjaan terpelihara.
15. PN-1311-L16512
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pencapaian wanita 30 peratus dalam sektor korporat. Apakah pencapaian wanita dalam politik.
16. PN-1311-L16352
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pandangan dan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap krisis yang berlaku di Syria.
17. PN-1311-L16553
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian yakin dasar baru dalam mewajibkan para pelajar lulus mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan SPM mulai 2013 dalam usaha meningkatkan semangat patriotik dan menambahkan rasa cintakan negara mampu mencapai sasarnanya ke atas golongan muda.
18. PN-1311-L16185
Datuk Chin Su Phin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mentransformasikan pinjaman dan biasiswa JPA agar pelajar yang benar-benar layak dibantu dan diberikan kemudahan kewangan ini dan, adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan diskaun kepada peminjam JPA sebagaimana peminjam PTPTN perolehi.
19. PN-1311-L16485
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bolehkah Kerajaan menerangkan apa yang dipersetujui oleh Malaysia dalam perundingan TPPA dengan negara-negara TPPA dan sejauh manakah kepentingan negara dijamin dalam perundingan ini.

20. PN-1311-L16394
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum 2012 akan dilaksanakan serta merta tanpa sebarang pengecualian lagi.
21. PN-1311-L16246
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam mempromosikan industri komoditi di dalam dan luar negara yang mana akan memberi peluang-peluang baru kepada pemain industri komoditi untuk melangkah lebih jauh dan seterusnya menjamin masa hadapan yang cemerlang bagi ekonomi Malaysia.
22. PN-1311-L16336
Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa semua bilik tahanan di balai polis tidak boleh dilengkapkan dengan sistem kamera litar tertutup (CCTV) untuk mengelak keraguan apabila ada masalah tahanan mati di dalam lokap.
23. PN-1311-L16215
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah rakyat negeri Sabah yang masih dalam kategori miskin tegar dan apakah usaha-usaha berkesan yang dilaksanakan bagi membantu kumpulan miskin tegar ini.
24. PN-1311-L16692
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagi memastikan harga-harga rumah yang dibina di sekitar Lembah Klang dan bandar-bandar utama lebih murah dan mampu dibeli dengan mengambil kira beban kewangan rakyat kerana pada masa kini harga rumah di bandar utama ini semakin tinggi dan tidak memungkinkan pembelian oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana.
25. PN-1311-L16860
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah perlaksanaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo yang menghubungkan Sabah, Sarawak, negara Brunei Darussalam dan Kalimantan Barat, Indonesia.
26. PN-1311-L16755
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan mangsa jenayah pemerdagangan manusia bagi tempoh 2010 dan 2013 (terkini) dan langkah-langkah Kerajaan bagi membanteras jenayah pemerdagangan manusia di negara ini.
27. PN-1311-L16326
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah Program Transformasi Luar Bandar atau RTP sebagai pelengkap program transformasi negara bagi kawasan luar bandar mampu menarik pelaburan swasta, mewujudkan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi masyarakat luar bandar.

28. PN-1311-L16519
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah jumlah Sekolah Tahfiz di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan nyatakan jumlah pelajar, kakitangan dan tenaga pengajar (ikut kategori lantikan-tetap/kontrak/jemputan) di setiap sekolah berkenaan. Nyatakan juga kemajuan yang dicapai oleh sekolah-sekolah berkenaan dan kecemerlangan pelajarnya.
29. PN-1311-L16602
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah cadangan untuk menubuhkan sebuah kolej komuniti di Labuan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam pelbagai sektor, memandangkan masih ramai belia-belia yang tidak mempunyai kemahiran.
30. PN-1311-L16680
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesucian agama Islam dan kemuliaan Institusi Raja-raja sering dihina dan dicemuh dengan pelbagai fitnah dan kata-kata kesat. Kerajaan telah mengambil tindakan menahan mereka yang terlibat tetapi apakah tindakan selepas itu, berapa ramai yang telah dihadapkan ke mahkamah dan apakah keputusan mahkamah dan hukuman ke atas mereka. Saya mohon Kerajaan mengambil tindakan yang amat tegas terhadap mereka yang disabitkan kesalahan dengan membatalkan taraf kewarganegaraan mereka supaya menjadi pengajaran kepada pihak-pihak lain yang cuba untuk berbuat demikian.
31. PN-1311-L16733
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kementerian mengambil inisiatif mengambil lebih ramai anggota kaum Cina dalam pasukan pertahanan keselamatan negara dan apakah pecahan statistik tersebut.
32. PN-1311-L16622
Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah punca masalah-masalah kelewatan dan usaha untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dalam perlaksanaan terminal lapangan terbang bagi penerbangan kos rendah iaitu KLIA2.
33. PN-1311-L16417
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan terperinci daripada Kementerian tentang langkah-langkah dan undang-undang yang ada untuk menghindar dan mendisiplinkan himpunan ini dan tindakan tegas yang mesti diambil jika melanggar tatasusila perhimpunan.
34. PN-1311-L16347
Dato' Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh negara berikutan kejadian pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, awal tahun ini.

35. PN-1311-L16207
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan gelanggang futsal yang berjaya dibina di kawasan-kawasan luar bandar negeri Sabah bagi meningkatkan pembangunan sukan ini terhadap golongan belia luar bandar.
36. PN-1311-L16852
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menangani masalah penculikan kanak-kanak yang kian meningkat. Nyatakan statistik kehilangan kanak-kanak dan prosedur yang sedang diambil untuk menangani masalah ini.
37. PN-1311-L16621
Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kemajuan sejak 2008 untuk pembesaran kapasiti Pelabuhan Pulau Pinang, termasuk Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT). Apakah perancangan masa hadapan supaya menjamin pelabuhan itu kekal sebagai pelabuhan yang utama untuk Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah IMT-GT.
38. PN-1311-L16368
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif yang diambil bagi mengurangkan bebanan kewangan keluarga berpendapatan rendah apabila Kerajaan mengenakan Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) dan apakah barang yang akan dikecualikan daripada GST.
39. PN-1311-L16325
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kejayaan program 3R (*Reduced, Recycle, Raise*) dan apakah insentif yang boleh diberikan Kementerian kepada pihak yang ingin mewujudkan pusat pengumpulan barang kitar semula atau mengadakan "Drive-Thru 3R".
40. PN-1311-L16796
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kriteria yang bakal diguna pakai dalam pengajian semula garis panduan pengambilan pekerja asing ke negara ini.
41. PN-1311-L16880
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah formula menangani jenayah yang lebih berkesan yang telah dirancang oleh Kerajaan. Setiap hari pelbagai media melaporkan kejadian-kejadian jenayah di seluruh negara yang membenggu rakyat Malaysia.
42. PN-1311-L16287
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini proses penggubalan Dasar Dakwah Negara.

43. PN-1311-L16723
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah asrama penuh dan umur pelajar yang boleh didaftarkannya. Berikan jumlah pelajar yang sedang belajar di asrama penuh mengikut jantina dan bangsa di seluruh Malaysia.
44. PN-1311-L16565
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang pasukan, dengan izin '*Malaysia Special Ranger Agency*' (MSRA). Adakah pasukan ini telah wujud tanpa pengetahuan pihak polis dan apakah tindakan polis terhadap kumpulan tersebut.
45. PN-1311-L16480
Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi penularan ajaran Syiah di negara ini. Kedah dikatakan antara negeri tertinggi mencatatkan jumlah pengikut Syiah dan apakah bentuk tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pengikut ajaran Syiah ini.
46. PN-1311-L16373
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah keluasan hutan simpanan yang hilang akibat kegiatan pembalakan dan pembukaan tanah untuk pelbagai tujuan serta kesannya terhadap alam sekitar dalam tempoh lima tahun lalu.
47. PN-1311-L16826
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian tidak berhasrat untuk mengembalikan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk proses tender terutama sekali tender-tender yang berkaitan dengan makanan asrama, kawalan keselamatan dan pembersihan sekolah.
48. PN-1311-L16641
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
 - status terkini pengurusan pekerja asing di Malaysia dan apakah status syarikat-syarikat *out-sourcing* pekerja asing; dan
 - perbandingan pengurusan pekerja asing di Malaysia dengan di United Arab Emirates (UAE), Saudi Arabia dan Singapura.
49. PN-1311-L16261
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan laporan mengenai penganjuran Kementerian ke atas Malaysia '*Agriculture Horticulture @ Agrotourism International Show*' (MAHA) daripada segi keuntungan kepada pemain industri tani terutamanya petani-petani dan bagaimanakah sambutan oleh peserta dari luar negara.

50. PN-1311-L16545
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status perancangan pembinaan projek Bandar Raya Getah di negeri Kedah yang bakal dilaksanakan di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).
51. PN-1311-L16652
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pemberian Baucher Buku 1Malaysia (BB1M) dicadangkan diberi pada penghujung tahun iaitu sebelum bermulanya sesuatu semester dan memanjangkan tempoh sah BB1M daripada 3 bulan kepada 6 bulan supaya para penuntut benar-benar mendapat manfaat dari BB1M tersebut.
52. PN-1311-L16265
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian memantau dengan serius kelemahan siaran berbayar ASTRO yang sering menghadapi masalah penyiaran yang kurang memuaskan setiap kali cuaca hujan dan ini tidak adil sama sekali dengan caj bayaran bulanan yang dikenakan.
53. PN-1311-L16311
Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes rogol yang melibatkan mangsa di bawah umur sepanjang tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013.
54. PN-1311-L16840
Datuk Jamilah Sulaiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perlu untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993) yang bertentangan dengan Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Wilayah Persekutuan 1993 yang memberi mandat kepada hanya orang Islam sahaja yang boleh diterima sebagai Peguam Syarie.
55. PN-1311-L16270
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan kejayaan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 bagi mencapai sasaran 28 juta pelancong dan nyatakan langkah bagi meningkatkan pelancong domestik.
56. PN-1311-L16272
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelaburan dan aset hartanah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di luar negara seperti di Singapura, Australia dan United Kingdom dan sejauh manakah langkah KWSP untuk meningkatkan pelaburan aset hartanah di beberapa negara Eropah mampu memberi manfaat kepada penyimpan KWSP.

57. PN-1311-L16453
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian menangani konsep pegangan hidup berlandaskan liberalisme, pluralisme dan pelbagai ajaran asing yang mula menjalar masyarakat Islam negara ini yang boleh menjurus kepada kesesatan dan kekufuran.
58. PN-1311-L16271
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat penyedia perkhidmatan kejuruteraan automotif dan aeroangkasa dunia menjelang 2020.
59. PN-1311-L16757
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kesan pemasangan CCTV di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengurangkan jenayah dan keselamatan bandar dan nyatakan kos yang terlibat dan kos senggara yang terpaksa ditanggung oleh PBT seluruh negara.
60. PN-1311-L16566
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang membenarkan Koperasi yang keahliannya 100 peratus yang beragama Islam, tabung masjid dan sebagainya menyimpan/melabur wang mereka dalam Tabung Haji. Jika tidak, jelaskan sebab-sebabnya.
61. PN-1311-L16722
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah syarikat dan individu yang memegang lesen mesin perjudian (*slot machine*) dan jumlah cukai yang dipungut melaluinya. Bagaimanakah Kementerian memantau lesen ini agar tidak disalahgunakan.
62. PN-1311-L16779
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapa Tentera Laut China boleh sampai ke Beting Serupai dengan empat buah kapal perang. Jelaskan juga tahap keselamatan di perairan negara, terutamanya di Beting Serupai dan Lahad Datu.
63. PN-1311-L16769
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang akan dijalankan dengan cara tender terbuka. Jika cara tender terbuka tidak akan diguna pakai, beri sebab-sebabnya.

64. PN-1311-L16439

Datuk Pau Chiong Ung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) apakah tindakan pencegahan susulan tentang tujuh (7) kes rusuhan pekerja asing Myanmar di Negeri Selangor yang menyebabkan kematian tiga (3) orang pekerja asing pada akhir Mei 2013; dan
- (b) adakah masalah tersebut adalah disebabkan oleh konflik politik di negara asal mereka atau terdapat sebab-sebab lain.

65. PN-1311-L16584

Dato' Lim Nget Yoon minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Rukun Tetangga kini. Adakah Rukun Tetangga masih wujud dan apakah peranannya dalam masyarakat.

66. PN-1311-L16247

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan:-

- (a) apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk menstabilkan harga barang-barang komoditi utama negara seperti getah, kelapa sawit, lada hitam, koko dan kayu kayan; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian dalam usaha meningkatkan keluaran produk-produk utama tersebut khasnya kelapa sawit, getah, koko dan lada hitam.

67. PN-1311-L16872

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah galakkan pertumbuhan dan pelaksanaan program pembangunan bidang industri kecil sederhana dilaksanakan di negeri Kelantan terutamanya di kawasan luar bandar.

68. PN-1311-L16575

Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru yang dilaporkan membuat kenyataan-kenyataan rasis dalam bilik darjah atau pun dalam kawasan sekolah. Apakah tindakan diambil terhadap guru-guru berkenaan.

69. PN-1311-L16363

Dato' Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan dan Integriti Nasional adalah kurang berkesan dalam memupuk perpaduan negara, serta menyatakan formula baru yang akan dilaksanakan bagi mengeratkan perpaduan antara kaum di negara ini.

70. PN-1311-L16239

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:-

- (a) apakah peranan dan sumbangan Kementerian dalam membantu konflik agama di Burma, Myanmar; dan

- (b) apakah usaha-usaha Kerajaan Malaysia dalam membantu Kerajaan Thailand menyelesaikan isu yang berlarutan di selatan Thailand.
71. PN-1311-L16819
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
- (a) adakah Kementerian melihat statistik kes-kes kemalangan maut sebagai amat membimbangkan; dan
- (b) langkah-langkah yang diguna pakai oleh Kementerian dalam usaha membudayakan keselamatan jalan raya dan mengurangkan kadar kemalangan yang tinggi.
72. PN-1311-L16403
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah Kerajaan Malaysia akan memberi ratifikasi (*recitification*) Konvensyen 87, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Apakah alasan Kerajaan untuk tidak memberi ratifikasi tersebut.
73. PN-1311-L16558
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan prospek industri herba dan apakah galakan serta insentif yang di berikan oleh Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai hub herba serantau.
74. PN-1311-L16663
Tuan Lihan Jok minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kejayaan negara dalam meningkatkan hubungan luar Malaysia melalui pendekatan kesederhanaan yang dipelopori oleh YAB. Perdana Menteri sendiri.
75. PN-1311-L16521
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan tentang rancangan pembinaan interchange Bandar Putra Permai bagi Lebuh Raya Maju (MEX).
76. PN-1311-L16842
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berdasarkan kedudukan Malaysia yang berada di peta dunia sebagai pusat membeli-belah ke empat terbaik dunia dan berada di kedudukan ke sembilan destinasi pilihan dunia bagi pelancong, menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014, berapakah sasaran jumlah kedatangan pelancong yang ditetapkan oleh Kementerian dan sejauh mana keberkesanan promosi yang telah digerakkan oleh Kementerian selama ini.
77. PN-1311-L16896
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan akan terus mengekalkan pendekatan dasar dan rancangan pembangunan 5 tahun Malaysia pada masa yang akan datang.

78. PN-1311-L16918

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan industri pelancongan kesihatan yang dilaksanakan Kerajaan Barisan Nasional mendapat sambutan menggalakkan daripada pelancong asing bagi mendapat pelbagai rawatan penyakit, selain yakin dengan perkhidmatan serta kemudahan rawatan yang selamat, berkualiti dan layanan baik. Bagaimanakah kedudukan Malaysia di peringkat ASEAN dalam industri tersebut setakat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|---------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 4/2013) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|---------------|--|-------------------------------|

[Menteri Kewangan]

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Pertama Parliment Ketiga Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:-

- 1) YB. Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang - (Pengerusi)
(Tuan Yang-Dipertua Dewan Negara)
- 2) YB. Sen. Datuk Doris Sophia Ak Brodi
- 3) YB. Sen. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon
- 4) YB. Sen. Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh
- 5) YB. Sen. Dr. Syed Husin Ali

3. PN-1311-U16251

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas titah ucapan baginda pada 25 Jun 2013 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sesungguhnya titah ucapan tersebut perlu dihayati oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan anutan kepercayaan masing-masing. Titah ucapan baginda ternyata amatlah baik dan berkesan untuk keamanan, perpaduan, kesejahteraan, kebaikan, kemakmuran semua pihak, rakyat dan negara ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

4. PN-1311-U16252

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 baru-baru ini. Kami juga merakamkan tahniah kepada YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Turut merakamkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, serta juga kepada Senator-Senator baru yang telah dilantik. Semoga mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, amanah, bertanggungjawab, cemerlang dan terbilang demi kesejahteraan rakyat dan negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

5. PN-1311-U16256

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan menangani isu jerebu yang saban tahun berlaku dan sentiasa berulang di negara ini. Kami berharap Kerajaan dapat menyelesaikan isu ini dalam bentuk jangka panjang agar tidak berulang kembali. Kami juga menyeru supaya satu usaha dibuat diantara Kerajaan Malaysia dan Indonesia secara bersungguh-sungguh, menyeluruh, bersifat proaktif serta tidak berulang lagi."

[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]

6. PN-1311-U16257

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan daripada rakyat asing. Kita sedar bahawa sekarang ini terlalu ramai rakyat asing sama ada yang halal atau haram (PATI) bekerja di negara ini. Dianggarkan sekitar 5 juta orang. Ini mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan keselamatan negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan merancang dan berusaha untuk mengurangkan kedatangan rakyat asing dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja mereka dan sebaliknya diganti oleh rakyat tempatan yang sekarang ini banyak menganggur. Oleh itu satu cetak biru dan tindakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang wajib dilaksanakan segera bagi menghindarkan terjadinya seperti kata pepatah "kera di hutan disusukan, anak dibuaian ditinggalkan."

[Menteri Sumber Manusia]

7. PN-1311-U16387

Dato' Boon Som a/l Inong akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen. Pindaan ini perlu memandangkan tempoh tiga tahun adalah sangat terhad untuk membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara memberi perkhidmatan dengan berkesan. Sungguhpun Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan tertentu dan pengundi, mereka mewakili kelompok tertentu dan mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap kelompok yang diwakilinya, terutama bagi Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili masyarakat minoriti seperti Masyarakat Siam. Bahkan kadangkala peranan Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat minoriti hampir-hampir menyamai peranan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menerusi pilihan raya. Bahkan ditinjau di negara-negara jiran di rantau ASEAN ini yang juga mengamalkan sistem bicameralism, didapati Senator di Indonesia memegang jawatan selama lima tahun manakala di Thailand dan Filipina pula selama enam tahun. Dengan pindaan ini kelak akan meletakkan Senator di Malaysia setara dengan rakan sejawat mereka di negara jiran. Begitu juga dengan elaun dan kemudahan Ahli Parlimen, kajian semula perlu dilakukan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, terutama dari segi ekonomi, serta tanggungjawab yang dipikulnya. Sejak Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 diwartakan, kali terakhir gaji Ahli Parlimen disemak adalah pada tahun 2005. Dibandingkan dengan negara jiran, gaji Ahli Parlimen di negara ini jauh lebih rendah. Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan berbanding Ahli Parlimen Singapura (RM33,589), Indonesia (RM18,000) dan Thailand (RM11,534). Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan serius bagi meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2013</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DN.1	Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara Menurut Peraturan Mesyuarat 70(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.	31 Julai 2013
ST.18	Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2012.	31 Julai 2013
ST.19	Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2012.	31 Julai 2013
ST.26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2012.	31 Julai 2013
ST.31	Laporan Tahunan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Bagi Tahun 2011 dan 2012	31 Julai 2013